

Kes baharu menurun kepada 2,461 kes

Sebanyak lapan kematian dilaporkan menjadikan kes kumulatif sebanyak 1,051 kes

KUALA LUMPUR



DR NOOR HISHAM

Malaysia mencatatkan penurunan kes baharu Covid-19 kepada 2,461 kes pada Sabtu daripada 2,936 yang dicatatkan pada Jumaat, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"Semua kes baharu adalah penularan dalam negara yang melibatkan seramai 1,589 warga tempatan dan 872 bukan warganegara, menjadikan kes terkumpul positif Covid-19 di Malaysia berjumlah 280,272 kes dengan kes aktif sebanyak 34,468 kes," katanya dalam satu kenyataan berhubung perkembangan Covid-19 pada Sabtu.

Beliau berkata, selain dari

pada itu, sebanyak 4,782 kes sembuh dicatatkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 adalah sebanyak 244,753 kes atau 87.3 peratus daripada keseluruhan kes.

"Sebanyak lapan kematian disebabkan Covid-19 dilaporkan, menjadikan kes kumulatif adalah sebanyak 1,051 kes, manakala 207 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 91 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Sementara itu, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,001 kes diikuti Kelantan (257), Johor (233), Kuala Lumpur (230), Sarawak (134), Sabah (109),

Perak (108), Kedah (101), Negeri Sembilan (89), Pulau Pinang (87), Pahang (42), Melaka (32), Terengganu (22), Putrajaya (13) dan Perlis (tiga).


Mengulas mengenai lapan kematian baharu, Dr Noor Hisham berkata, kesemua kes melibatkan warganegara iaitu tiga wanita dan lima lelaki berumur lingkungan 46 hingga 81 tahun yang mempunyai masalah kesihatan kronik.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, sebanyak 10 kluster baharu dikenal pasti pada Sabtu dengan kesemuanya adalah kluster di tempat kerja menjadikan jumlah kluster aktif kini sebanyak 510 kluster. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 20 Februari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	280,272	PULIH:	244,753	ICU:	207	KEMATIAN:	1,051	KES BAHARU	+2,461
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-------	------------	--------



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 277,811 kes kepada 280,272 kes

